

PM harap demokrasi di Thailand dipulihkan

BUK - 21/9/2006

Perubahan wajar berlaku dalam bentuk pilihan raya dan mengambil perhatian bahawa pihak yang merampas kuasa di Thailand menyatakan akan menyerahkan semula kuasa kepada pihak awam

**ABDULLAH
AHMAD BADAWI**
Perdana Menteri

NEW YORK 20 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengharapkan pihak yang merampas kuasa di Thailand akan memulihkan demokrasi.

Sambil menyatakan terkejutnya dengan tindakan rampasan kuasa di negara itu, Abdullah menyifatkannya sebagai 'bukan cara atau perubahan yang orang suka lihat'.

Menurutnya, perubahan wajar berlaku dalam bentuk pilihan raya dan mengambil perhatian bahawa pihak yang merampas kuasa di Thailand menyatakan akan menyerahkan semula kuasa kepada pihak awam.

Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra berada di sini ketika rampasan kuasa itu berlaku.

Beliau dijadualkan menyampaikan ucapan esok di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi dibatalkan ekoran rampasan kuasa itu.

Abdullah yang berada di sini untuk beru-

cap pada sesi ke-61 Perhimpunan Agung PBB pada Rabu (waktu New York) berkata, kerajaan masih memantau apa yang berlaku di Thailand dan belum mengeluarkan nasihat kepada pelancong Malaysia yang mahu ke negara itu.

Bagaimanapun jika pihak berkuasa Thailand mengenakan perintah berkurung, beliau menasihatkan rakyat Malaysia tidak wajar pergi ke sana.

Oleh kerana rampasan kuasa ini baru berlaku, menurut beliau, maka tidak boleh dibuat penilaian terhadap keadaan krisis di selatan Thai atau kesan negatif industri pelancongan kepada Malaysia.

- Utusan

ABDULLAH Ahmad Badawi disambut oleh Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan sebelum mengadakan pertemuan di Ibu Pejabat PBB di New York, semalam.

- Bernama